

## THE CONCEPT OF HONORING NEW BROTHERS IN ISLAM: CHALLENGES AND APPROACHES IN PAHANG

## KONSEP MENYANTUNI SAUDARA BAHARU DALAM ISLAM: CABARAN DAN KAEDAH PENDEKATAN DI PAHANG

<sup>1</sup>Sh. Mohd Firdaus Sh. Othman, <sup>2</sup>Ahmad Effat Mokhtar, <sup>3</sup>Siti Raudah Abdul Karim,  
<sup>4</sup>Hidayah Suhaimi, <sup>5</sup>Hidayah Saidi

<sup>1&2</sup> Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, Kuantan, <sup>3</sup> Universiti Teknologi Mara, Shah Alam,  
<sup>4</sup> Maahad Tahfiz Darul Ulum Al-Basriyah, Kuantan & <sup>5</sup> Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang,  
Pekan

### Abstract

The current era of 4.0 education presents a new challenge to Muslims to appreciate and understand Islam according to the law of revelation. The example of the revered Prophet Muhammad SAW is an example that should be followed by Islamic preachers throughout the ages. New converts or Muallaf are those who need to be courted to attract their interest in appreciating and practicing the teachings of Islam. However, nowadays there are some constraints in the appreciation of Islam to new converts such as different cultural factors, mass media and problems from the individual himself. This study aims to find out the method of approach in courting new Muslim converts in Pahang. This is because Islam has the value of da'wah through the high example of the Qur'an and Sunnah. In addition, this study will also examine the current issues and challenges faced by new converts in Pahang to appreciate Islam well. This study is a fully qualitative study that uses a literature review of the sources of articles, books and related documents. The findings of this study will help preachers to carry out their responsibilities according to the appropriate Islamic approach to new converts in line with the demands of the Quran and Sunnah.

**Keyword:** Challenges and Approaches of Da'wah, New converts, Islamic Da'wah

### Abstrak

Era pendidikan 4.0 masa kini memberikan cabaran baru kepada umat Islam untuk menghayati dan memahami Islam mengikut hukum wahyu. Tauladan dari junjungan Nabi Muhammad SAW adalah contoh yang perlu diikuti oleh pendakwah Islam sepanjang zaman. Saudara baharu atau Muallaf adalah mereka yang perlu disantuni untuk menarik minat mereka menghayati dan mengamalkan ajaran Islam. Namun, terdapat beberapa kekangan pada masa kini dalam penghayatan Islam kepada saudara baharu

### Penulis Utama:

Sh. Mohd Firdaus Sh.  
Othman

Kolej Universiti Islam  
Pahang Sultan Ahmad  
Shah, Kuantan

### E-mel:

firdaus@muip.gov.my

antaranya faktor berlainan budaya, media massa dan permasalahan dari individu itu sendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui kaedah pendekatan dalam menyantuni saudara baharu Islam di Pahang. Hal ini kerana Islam mempunyai nilai dakwah melalui tauladan yang tinggi dari Al-Quran dan Sunnah. Selain itu, kajian ini juga akan mengkaji isu dan cabaran masa kini yang dihadapi oleh saudara baharu di Pahang untuk menghayati agama Islam dengan baik. Kajian ini adalah kajian kualitatif sepenuhnya yang menggunakan kajian kepustakaan daripada sumber artikel, buku dan dokumen yang berkaitan. Penemuan kajian ini akan membantu pendakwah menjalankan tanggungjawab mengikut pendekatan Islam yang sesuai kepada saudara baharu selaras dengan tuntutan Al-Quran dan Sunnah.

**Kata kunci:** Cabaran dan Pendekatan Dakwah, Saudara Baharu, Dakwah Islam

## PENGENALAN

Dakwah kepada masyarakat bukan Islam harus menjadi keutamaan khasnya kepada para pendakwah yang dipertanggungjawabkan untuk menarik minat mereka kepada Islam. Ia merupakan usaha untuk menyebarluaskan Islam sebagai sebuah agama yang menyeru kepada rahmatan *lil-'alamin*. Apatah lagi dalam negara yang mempunyai pelbagai bangsa dan kepercayaan, umat Islam harus menjadi contoh tauladan dalam menerokai kehidupan di dunia penuh cabaran ini. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik, dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalanNya dan Dia lah jua yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk” (Surah an-Nahl:125)

Dalam maksud ayat di atas, erti hikmah adalah ucapan-ucapan yang benar dan munasabah yang mengandungi hujah-hujah yang kukuh, bernalas dan meyakinkan. Manakala makna *mau'izah hasanah* adalah percakapan yang berisi nasihat-nasihat yang baik, tegas dan dapat menembusi hati manusia sehingga mereka yang mendengarnya mendapat motivasi dan mengambil manfaat daripadanya (Syed Abdurahman Hj Syed Hussin, 2015). Dalam berbicara dengan mereka yang baru mengenal Islam, perbincangan yang terbaik ialah dengan perbincangan yang penuh sopan santun dan berakhhlak mulia sehingga tidak menimbulkan rasa penghinaan atau menyentuh harga diri individu (Misra et al., 2019) dan dapat menimbulkan rasa penghargaan kepada seseorang. Hujah yang dikemukakan akan memberi kesedaran kepada keduanya untuk menilai yang mana satu yang hak dan batil (Razaleigh Muhamat@Kawangit, 2015; Syed Abdurahman Hj Syed Hussin, 2015).

Secara umumnya di Malaysia masyarakat menggelarkan seseorang yang baru memeluk agama Islam sebagai muallaf (Noraini Mohamad et al., n.d.) atau saudara baharu iaitu gelaran yang lebih umum bagi orang-orang Cina, India, Orang Asli dan bangsa-bangsa lain yang baru memeluk Islam. Terdapat gelaran lain juga diberikan kepada golongan yang baru memeluk Islam seperti saudara muslim dan saudara kita (Zulhelmi M.N & Azman A.R, 2015). Namun, apa sahaja gelaran yang diberikan tetap mempunyai maksud dan mesej yang sama untuk dihuraikan bagi orang yang baru memeluk Islam agar mudah difahami dan dihayati oleh masyarakat sekeliling. Walau bagaimanapun, timbul pelbagai masalah yang berkaitan dengan saudara baharu dan ia merupakan faktor untuk para pendakwah mengambil langkah yang

bertepatan supaya Islam tidak di salah erti dari pelbagai aspek. Antara masalah dan cabaran yang dihadapi ialah perbalahan antara keluarga kerana berlainan agama, cabaran undang-undang semasa, hilang hak mendapat harta pusaka, pengendalian jenazah dan sebagainya (Anuar bin Puteh et al., 2020; Siti Nurjannati Mohamed & Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2020).

### **Definisi umum Saudara Baharu (Muallaf)**


Terdapat pelbagai definisi saudara baharu atau muallaf yang boleh diambil untuk memberi kefahaman secara mendalam berkaitan golongan ini. Dalam Al-Quran, Allah SWT berfirman dalam surah al-Taubah, ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”(Surah At-Taubah, 9: ayat 60)

Berdasarkan ayat di atas, ia menjelaskan lapan asnaf yang berhak untuk mendapat zakat. Selain daripada golongan fakir, golongan miskin, amil-amil yang mengurus zakat, golongan yang memerdekaan hamba, golongan yang berhutang, golongan *fisabilillah*, orang-orang yang bermusafir dan terputusnya bekalan, golongan muallaf tidak terkecuali untuk menerima zakat. Perkataan *وَالْمُؤْلَفَةُ* yang jelas dinyatakan dalam ayat adalah dimaksudkan kepada golongan muallaf. Definisi muallaf mempunyai maksud yang pelbagai. Perkataan muallaf berasal daripada perkataan bahasa Arab (أَلْهَ أَيْ صِيرَهُ أَلْيَا) iaitu yang menjadikan seseorang itu lembut hatinya dan dijinakkan hatinya. Sementara lafadz (المُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ) pula bermaksud seseorang yang hatinya yang telah dijinakkan (Mohammad Shukri Draman, 2010). Dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, perkataan muallaf bermaksud orang yang baru memeluk agama Islam atau saudara baharu. Azaruddin bin Awang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali, (2015) berpendapat bahawa saudara baharu adalah individu yang telah melafazkan dua kalimah syahadah dan golongan yang berkelayakan untuk diberi perhatian dan bimbingan kepada mereka. Selain itu, saudara baharu atau muallaf merupakan individu yang dijinakkan hatinya dengan harapan dapat memperkuuh pegangan mereka terhadap ajaran agama Islam (Subri et al., 2015).

### **Cabaran Kehidupan Saudara Baharu**

Dalam kajian Anuar bin Puteh et al. (2020), pelbagai cabaran yang dihadapi saudara baharu setelah memeluk agama Islam. Antaranya seperti dinyatakan dalam Rajah 1 berikut:



Rajah 1: Permasalahan Saudara Baharu di Malaysia  
Sumber: (Anuar bin Puteh et al., 2020; Rahman et al., 2019)

### **Penyingkiran Keluarga**

Permasalahan utama kepada seseorang yang baru memeluk agama Islam adalah pandangan kaum keluarga dan masyarakat bukan Islam yang menganggap bahawa masuk Islam bererti masuk Melayu. Mohd Ridhuan Tee Abdullah (2012), berpendapat bahawa Islam sering disalah tafsir oleh masyarakat bukan Islam iaitu bersamaan dengan masuk Melayu. Ia telah menjadi proses sosialisasi politik yang telah lama ditanam di dalam fikiran di kalangan masyarakat Malaysia. Pertukaran agama dilihat sesuatu yang sukar oleh mereka kerana ia dianggap boleh memutuskan ikatan kekeluargaan dan satu penghinaan kepada agama nenek moyang mereka. Akibat salah faham ini, saudara baharu sering menghadapi tentangan dan disingkirkan oleh kaum keluarga sendiri (Anuar bin Puteh et al., 2020; Khairul Azhar Meerangani, 2019). Walaupun terdapat ahli keluarga yang menerima saudara baharu yang memeluk Islam, tetapi terdapat dikalangan mereka juga dipulau dan disisih oleh ahli keluarga sendiri, saudara-mara serta rakan-rakan mereka kerana memilih jalan hidup yang baru melalui agama Islam (Anuar Puteh et al., 2015).

### **Pandangan Negatif dan Prejudis Masyarakat Melayu Islam**

Antara masalah lain yang dihadapi oleh saudara baharu adalah pandangan negatif dan sikap prejudis yang wujud daripada segelintir masyarakat Melayu yang beragama Islam. Ann (2009), berpendapat dalam buku beliau *Murtad: Jangan Pandang Sebelah Mata*, sikap stereotaip dan pandangan negatif terhadap saudara baharu menjadi salah satu cabaran daripada masyarakat Melayu selain dibuang keluarga, hilang pekerjaan dan kejutan budaya. Malah, ada juga masyarakat Melayu yang menganggap pengislaman saudara baharu mempunyai motif dan kepentingan tertentu (Anuar Puteh et al., 2015; Mohd Ridhuan Tee Abdullah, 2012; Noraini Mohamad et al., n.d.) seperti melalui perkahwinan dengan orang Melayu (Muslim baka), untuk mendapatkan inisiatif wang zakat, mendapatkan kemudahan memiliki tanah dan sebagainya. Hal ini perlu dititik beratkan supaya tujuan dakwah kepada mereka mencapai tujuan ke arah keredhaan Allah SWT. Kesedaran kepada sikap prejudis dan negatif harus disingkirkan kerana ia bertentangan dengan maksud hadis dari Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda:

“Sesungguhnya Allah SWT tidak melihat rupa paras kamu dan harta benda kamu, tetapi Allah SWT melihat hati kamu dan amalan kamu (keikhlasan dan mengikut sunnah)” (Riwayat Muslim).

### Cabaran undang-undang

Di Malaysia, terdapat peruntukan undang-undang yang menetapkan saudara baharu di bawah lapan belas tahun yang memeluk Islam tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaganya akan menghadapi tentangan dan halangan dari kaum keluarga kerana mereka masih tertakluk di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga masing-masing (Anuar bin Puteh, 2015; Razaleigh Muhamat@Kawangit, 2015). Mereka juga terpaksa menghadapi cabaran dan batasan yang sukar dari segi undang-undang. Dalam perkara 12(3) Perlembagaan Persekutuan ada menyebut: “*Tidak sesiapapun boleh diwajibkan menerima ajaran-ajaran mengenai apa-apa atau mengambil dalam apa-apa upacara atau sembahyang sesuatu agama yang lain daripada agamanya sendiri*”. Begitu juga dalam perkara 12(4) dengan jelas menyebutkan: “*Bagi maksud fasal (3) agama bagi seseorang yang berumur kurang daripada lapan belas tahun adalah ditetapkan oleh ibu bapa atau penjaganya*” (Perlembagaan Persekutuan: (Mengandungi Semua Pindaan Hingga 10 September 1983), 1983). Dari penyataan ini dapat difahamkan bahawa seseorang individu dibawah 18 tahun yang berhasrat untuk memeluk Islam hendaklah mendapatkan kebenaran ibu bapa dan penjaga terlebih dahulu untuk mengelakkan masalah di masa hadapan.

### Perebutan jenazah selepas kematian

Isu perebutan jenazah di kalangan saudara baharu yang memeluk Islam seringkali terjadi terutamanya jika mereka tidak mengishtiharkan pengislaman mereka kepada ahli keluarga dan bertindak menyembunyikannya daripada mereka (Abdul Ghani et al., 2014). Perebutan berlaku antara keluarga si mati dengan pihak berkuasa agama Islam apabila berlaku kematian. Pertikaian wujud ketika anggota keluarga tersebut mendakwa si mati masih dalam agama asal dan mereka ingin menguruskan jenazah mengikut agama asal, sedangkan pihak berkuasa lebih berhak ke atas jenazah si mati untuk dikendalikan mengikut ajaran Islam kerana si mati adalah seorang muslim semasa hayatnya. Walau bagaimanapun, hal ini ditangani melalui pembuktian rekod pengislaman oleh pihak berkuasa, kebiasaanahya ahli keluarga si mati akan akur dengan pemilikan jenazah adalah ke atas pihak berkuasa (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 2017). Senario ini sedikit sebanyak memberi impak besar kepada saudara baharu yang lain dan dibimbangi mereka yang bercita-cita untuk memeluk Islam berasa terancam dan takut sekiranya mereka menerima nasib yang sama seperti rakan yang telah meninggal dunia itu.

### Masalah Murtad dan Unsur Murtad

Dalam konteks murtad di kalangan saudara baharu, Anuar Puteh et al., (2020) berpendapat ia boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu;


- i. Saudara baharu yang mempunyai niat untuk murtad dan memberikan penjelasan lisan atau bertulis berkaitan tujuan mereka kepada pihak berkuasa.
- ii. Saudara baharu yang tidak berhasrat untuk murtad tetapi dipengaruhi unsur-unsur murtad seperti kembali beramal dengan budaya dan ajaran agama asal.

Kajian Abdullah et al., (2019); Amin et al., (2017), menunjukkan terdapat beberapa punca masalah murtad secara umumnya seperti mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu, tekanan berterusan seperti ugutan daripada kaum keluarga, masalah harta pusaka dan kegagalan rumah tangga akibat berlaku penceraian atau pengabaian dengan pasangan yang beragama Islam. Kasim et al., (2017), berpendapat sekiranya pegangan akidah golongan saudara baharu tidak diperkuuhkan, ia boleh menyebabkan mereka meninggalkan Islam, murtad dan kembali kepada agama asal mereka. Dalam kajian (Rahman et al., 2019), gangguan emosi dalam kalangan saudara baharu jika berlarutan boleh membawa kepada salah satu permasalahan sosial dan gangguan emosi yang berbahaya. Ledakan emosi tercetus daripada

tekanan perasaan dan konflik emosi tidak terkawal. Sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan bijak, ia boleh boleh menyebabkan mereka kembali kepada agama asal dan murtad.

### **Konsep Menyantuni Saudara Baharu dalam Islam**

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke-empat, perkataan menyantuni merupakan kata terbitan yang berasal daripada perkataan asal iaitu santun (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Menyantuni membawa maksud menaruh belas kasihan, suka menolong (orang lain). Dalam konteks Islam, menyantuni masyarakat non-Muslim dan saudara baharu hendaklah dilakukan dengan baik supaya mereka dapat menerima dan selesa dengan apa yang dilakukan. Mereka memerlukan kepada pendedahan dan mahu melihat penghayatan yang sedang dilaksanakan oleh masyarakat Islam itu sendiri. Pengkaji berpendapat bahawa pendekatan yang sama adalah relevan digunakan untuk menyantuni golongan saudara baharu yang baru memeluk Islam kerana mereka juga asalnya adalah non-muslim. Oleh itu, Berhanuddin (2017) dalam kajiannya, menyatakan terdapat beberapa kaedah untuk menarik mereka kepada Islam dengan tidak memaksa tetapi menerima dengan kerelaan hati. Antaranya:



Rajah 2: Konsep Munyantuni Menurut Islam

Sumber: (Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2020; Zulhelmi M.N & Azman A.R, 2015)

#### **i. Menyantuni dengan akhlak yang mulia**

Seperi masyarakat bukan beragama Islam, golongan saudara baharu sewajarnya diberi layanan yang baik dan dengan mengamalkan sikap hormat-menghormati dari pelbagai aspek termasuklah pergaulan dan percakapan yang baik. Para pendakwah perlu menunjukkan akhlak Islamiyah dan adab yang tinggi agar terpancar melalui sahsiah untuk dijadikan teladan yang boleh dicontohi. Ia juga memberi impak positif terhadap agama Islam dalam usaha penyebaran. Justeru, akhlak pendakwah yang baik melalui pendekatan menyantuni dengan penuh hikmah sangat penting supaya mereka lebih terbuka hati untuk memeluk Islam. Setelah bergelar saudara baharu, pendekatan ini perlulah diteruskan agar penerapan akhlak mulia acuan Islam dapat disemai dengan sempurna.

Berdasarkan kajian Abd Hadi Borham & Fakhrul Adabi Abdul Kadir, (2015), beliau menjelaskan salah satu faktor yang pendorong masyarakat di Pedalaman Pensiangan, Sabah memeluk Islam ialah penghayatan akhlak Islam yang ketara seperti suka membantu, rajin, baik dengan ibu bapa, bersikap lemah lembut dan mempunyai budi pekerti yang baik. Selain itu, mereka tetap mengekalkan hubungan dengan ahli keluarga, rakan-rakan dan saudara mara yang bukan Islam seperti biasa walaupun setelah memeluk Islam, sekaligus melembutkan hati ibu

bapa untuk memberi keizinan anak-anak di bawah jagaan mereka untuk memeluk agama Islam yang suci ini.

### **ii. Menyantuni dengan kesabaran**

Menurut Berhanudin (2017), memandangkan kehidupan non-muslim sudah berakar umbi di jiwa saudara baharu yang baru sahaja memeluk Islam, terutamanya dari segi tujuan kehidupan dan peribadatan yang menggunakan perantaraan, para pendakwah perlu menyantuni golongan ini dengan penuh kesabaran dan hikmah secara berperingkat. Keadaan ini penting untuk memberi pengajaran dan pengetahuan Islam yang lebih sempurna kepada golongan saudara baharu. Usaha ini pastinya berbeza dari segi pendekatan yang digunakan untuk masyarakat Islam asal yang sedia beramal dengan ajaran Islam secara tradisi.

Peranan pendakwah sangat memberi impak besar (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001) dalam usaha menyantuni saudara baharu, bermula dengan contoh sahsiah diri yang mulia sekaligus meningkatkan kepercayaan di kalangan golongan sasaran (Zulkefli Aini, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Abdul Hakim Mohad, Kasim Mansur, 2015). Menurut Khairul Azhar Meerangani, (2019), dalam berdakwah, sifat sabar mampu mengikis rasa kecewa sekiranya tujuan dakwah tidak tercapai.

### **iii. Menyantuni melalui Dakwah *Bi al-Hāl*.**

Zulkefli Aini et al., (2018), berpendapat dakwah *bi al-hāl* yang ditonjolkan oleh pendakwah lebih mudah untuk diterima oleh golongan sasaran dakwah kerana mampu mempengaruhi kepercayaan, perubahan fikiran dan tingkah laku. Pepatah Inggeris ada menyebut, “*Actions speak louder than words*”, bermaksud perbuatan lebih berkesan daripada kata-kata yang membuktikan bahawa sesuatu pengajaran adalah lebih berkesan disampaikan melalui contoh *role-model* (Mohd Ridhuan Tee Abdullah & Redwan Yasin, 2014).

Manakala Mohd Nor Mamat (2014), menyatakan tingkah laku dan tindakan harian pendakwah merupakan suatu dakwah *bi al-hāl* yang boleh mempengaruhi saudara baharu dari segi pengamalan Islam dan ajarannya berbanding mendengar siri ceramah atau penerangan ilmu secara teori. Selain itu, seorang pendakwah perlu mengambil kira laras bahasa yang digunakan dengan tingkat kemampuan akal dan kefahaman sasaran dakwah ('Aidh Abdullah al-Qarni, 2007). Di samping itu juga, seseorang pendakwah perlu bijak dalam menangani masalah yang timbul di kalangan saudara baharu. Oleh itu, perilaku berdasarkan nilai tauhid dengan mengikut syariat Islam sangat penting untuk memberi gambaran sebenar agama Islam yang syumul (Berhanudin, 2017).

### **iv. Menyantuni melalui sikap prihatin dan empati**

Di dalam buku Syeikh 'Aidh Abdullah al-Qarni, (2007), sikap prihatin dan empati merupakan elemen penting yang perlu ada dalam diri seorang pendakwah iaitu dengan mengambil berat kehidupan suka dan duka yang dihadapi oleh golongan sasaran. Contohnya, hasil temubual pengkaji bersama seorang pembantu penggerak yang menjalankan aktiviti dakwah di perkampungan Asli, menyatakan salah seorang saudara baharu asli berterima kasih kepada pihak Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) yang telah menyalurkan bantuan bulanan untuk tujuan rawatan ibunya yang sakit. Keadaan ini dapat meringankan beban yang dihadapinya sekaligus mengubah perspektif dan pemikiran terhadap agama Islam yang mementingkan kebajikan saudara baharu. Hal ini selaras dengan saranan yang dinyatakan oleh Abdul Ghafar Don et al., (2014) berkaitan pihak berwajib perlu mengambil inisiatif bagi mengadakan program sosioekonomi yang boleh meningkatkan taraf hidup komuniti saudara baharu sekaligus mempengaruhi mereka untuk meluangkan lebih masa mengikuti pengajian agama.

#### v. Menyantuni melalui amalan berziarah

Menurut Berhanudin (2017), aktiviti ziarah boleh melapangkan dada dan memberi ketenangan kepada non-muslim terutama ketika ditimpa musibah seperti sakit dan menghadapi masalah. Pendekatan yang sama boleh diaplikasi kepada golongan saudara baharu yang amat memerlukan pertolongan dalam bentuk bimbingan kerohanian setelah memeluk Islam. Sepertimana anjuran Islam terhadap amalan ziarah-menziarahi terutama bagi sesama Islam adalah amat digalakkan kerana interaksi yang berlaku sesama individu akan menghasilkan *al-ta’aruf* iaitu saling mengenali antara satu sama lain sekaligus membina kerjasama yang baik dalam pelbagai perkara merentasi etnik (Aminudin Basir@Ahmad & Akila Mamat, 2012).

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Abd Hadi Borham & Fakhrul Adabi Abdul Kadir, (2015), pendekatan ziarah yang digunakan saudara Mohd Fadli Yusof berjaya menarik perhatian non-Muslim kerana sentiasa beroleh pemberian berupa hadiah dan makanan. Tujuan aktiviti ziarah secara berulang-ulang ini adalah untuk memupuk hubungan yang lebih erat di antara pendakwah dan golongan sasaran selain mencetus perasaan gembira di kalangan mereka, memudahkan mesej dakwah disampaikan serta membentuk pandangan positif terhadap agama Islam. Hal ini turut dilaksanakan oleh pihak berwajib seperti MUIP yang mengagihkan bantuan berterusan kepada saudara baharu contohnya bantuan kewangan, bantuan tahunan, saguhati memeluk Islam dan pendidikan. Bantuan ini kebiasaannya disampaikan ketika program dakwah dan ziarah saudara baharu dan non-muslim (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 2015). Oleh yang demikian, pendakwah perlu membiasakan diri dalam menyantuni masyarakat non-Muslim atau saudara baharu agar mewujudkan interaksi yang semakin mesra (Nurul Izzah Che Zaidi & Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2020). Menurut Siti Fadilah Binti Zakaria & Muhammed bin Yusof (2016), pengaruh seseorang pendakwah dapat dibina melalui interaksi yang kerap dengan golongan sasaran terutamanya mengadakan pertemuan secara bersemuka.\

#### vi. Menyantuni melalui khidmat masyarakat

Dalam mendekati golongan saudara baharu, sikap bermasyarakat perlu ada dalam jiwa setiap pendakwah supaya mudah didekati dan disenangi (Berhanudin, 2017). Kajian Azaruddin bin Awang & Khadijah Mohd Khambali@Hambali, (2015), menjelaskan bahawa antara pendorong utama yang mempengaruhi individu untuk memeluk Islam ialah faktor hubungan sosial dengan komuniti Muslim tempatan dalam rangka mengenali agama Islam. Oleh yang demikian, MUIP menggunakan pendekatan melalui khidmat masyarakat untuk menyantuni golongan saudara baharu dengan melantik pendakwah yang dikenali sebagai pembantu penggerak daripada kalangan masyarakat Asli. Mereka melakukan pelbagai aktiviti khidmat masyarakat seperti mengendalikan kelas Al-Quran dan Fardhu Ain di perkampungan Asli, gotong-royong, membersihkan surau, menguruskan jenazah, ziarah dari rumah ke rumah serta mengajak penduduk untuk menghadiri kelas-kelas pengajian di surau (Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang, 2019). Oleh yang demikian, khidmat masyarakat dapat memberi kesan yang besar kepada golongan saudara baharu kerana ia mewujudkan perasaan gembira, dihargai dan hubungan yang mesra, sekaligus menarik minat mereka untuk meneruskan kehidupan beragama Islam sebagai cara hidup dan membantu penyebaran agama Islam dengan lebih berkesan.

Dalam buku karangan ’Aidh Abdullah al-Qarni (2007), kehadiran seseorang pendakwah yang dianjurkan oleh Islam adalah seperti mengadakan aktiviti ziarah, bertanya khabar, menyampaikan hadiah, bersahabat, berbuat baik dan sebagainya. Manakala Mulyono (2007) berpendapat rakan Muslim yang telah beragama Islam dan mempamerkan nilai-nilai akhlak Islam akan mempengaruhi rakan non-Muslim untuk memahami dengan lebih mendalam tentang agama Islam. Selain itu, elemen perpaduan yang wujud dalam kehidupan masyarakat Muslim turut mempengaruhi masyarakat non-Muslim ke arah Islam (Sulaiman Dufford, 2010).

## Kepentingan Menyantuni Saudara Baharu

Agama Islam merupakan agama yang selamat dan syumul merentasi segala aspek kehidupan bersesuaian dengan fitrah manusia yang sentiasa menginginkan keselamatan dan keharmonian. Islam menganjurkan supaya membina ukhwah sesama muslim terutamanya golongan saudara baharu kerana hadirnya Islam itu sendiri sebagai rahmat ke seluruh alam. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Al-Anbiya', ayat 107 yang bermaksud;

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”

Anuar Puteh et. al. (2018) dalam kajiannya menjelaskan maksud *Rahmah lil 'alamin* merangkumi segala elemen penting dalam agama iaitu akidah, syariah atau ibadah, akhlak dan sistem kehidupan. Prinsip *Rahmah Lil 'Alamin* menekankan konsep sesuatu perbuatan yang dilakukan mestilah tidak mengundang kemurkaan Allah S.W.T. Sementara itu, dalam menyantuni saudara baharu, pendakwah sewajarnya menggunakan cara yang berhikmah, berhemah dan berlemah-lembut dalam rangka memberi pengajaran tentang agama Islam yang sebenar. Islam juga telah memperakui dan memberikan layanan yang sama rata kepada golongan saudara baharu seperti mana yang diberikan kepada masyarakat muslim seluruhnya. Antara kepentingan dalam menyantuni saudara baharu adalah seperti berikut:

### i. Kepentingan untuk mendapatkan pendidikan dan bimbingan

Wahyu pertama dari surah Al-'Alaq yang menyatakan konsep mencari ilmu pada perkataan '*Iqra'* yang memberi erti "Bacalah" membuktikan bahawa Islam sangat mementingkan aspek pendidikan dan ilmu dalam kehidupan. Dengan ilmu akan timbulnya amal. Oleh yang demikian, setiap saudara baharu wajiblah mencari ilmu tentang agama supaya mereka dapat memahami, menghayati dan beramal dengan betul sekaligus mengelakkan mereka daripada kembali kepada agama asal (Kamarudin et al., 2019). Maka, sebagai saudara muslim, adalah wajar untuk kita menyantuni golongan saudara baharu dengan baik dalam rangka menyampaikan ilmu dan ajaran Islam secara efektif. Di awal sejarah penyebaran Islam di Kota Mekah, aspek ilmu telah ditekankan oleh Rasulullah SAW dalam usaha mentarbiah sahabat yang baru memeluk Islam secara berterusan di rumah seorang sahabat iaitu al-Arqam bin Abi Arqam (Anuar Puteh et al., 2018). Manakala bagi penyebaran ilmu di luar Madinah, Baginda mengutus sahabat sebagai *murabbi* kepada masyarakat muslim di sesetengah tempat seperti Saidina Muaz bin Jabal ke Yaman.

### ii. Kepentingan persaudaraan Islam serta jaminan kemaslahatan dalam masyarakat

Dalam karangan Muhammad Abdullah al-Khatib (1991), persaudaraan dalam Islam berkait rapat dengan kesatuan hati, fikiran, perasaan, jiwa dan jasad terhadap akidah dan syariat Islam yang satu. Oleh yang demikian, adalah sangat dianjurkan supaya muslim lain menyantuni saudara baharu agar keselamatan mereka lebih terjamin. Sebagaimana situasi seorang saudara baharu yang sangat terdedah kepada bahaya, ancaman dan ugutan terutama dari kaum keluarga agama asal. Malah, ada di kalangan saudara baru yang disingkirkan oleh keluarga dan masyarakat mereka dan ada juga yang terus tinggal bersama keluarga, walau bagaimanapun, mereka seolah-olah tersisih dari segala aspek kehidupan keluarga dan komuniti sendiri (Anuar Puteh et al., 2015). Jaminan perlindungan kepada saudara baharu membuktikan Islam sangat prihatin berkaitan hak-hak muslim tanpa ada diskriminasi sekalipun mereka masih baharu dalam mengamalkan ajaran Islam dan sedikit sebanyak terpengaruh dengan kehidupan sebelum memeluk Islam.

### iii. Kepentingan menyalurkan bantuan kewangan dan kebajikan

Saudara baharu seringkali menghadapi kesulitan di awal pengislaman mereka dan tidak terkecuali dari masalah kewangan akibat disisih oleh kaum keluarga, dibuang kerja dan pelbagai kesusahan lain. Sekiranya masalah ini tidak ditangani dengan bijak, ia boleh merebak menjadi masalah yang lebih parah sehingga mampu menjadi salah satu punca saudara baharu kembali ke agama asal atau murtad. Oleh yang demikian, agama Islam telah menyediakan bahagian yang khusus untuk golongan saudara baharu melalui agihan zakat seperti mana lapan asnaf yang layak menerima zakat (Ibnu Kathir, 1999). Perkara ini jelas dinyatakan dalam firman Allah SWT dalam surah at-Taubah, 9: ayat 60 yang bermaksud:

“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin dan amil-amil yang mengurusnya dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.”(Surah At-Taubah, 9: ayat 60)

Menurut Khairul Azhar Meerangani (2016), keprihatinan yang tinggi mampu mewujudkan hubungan yang utuh serta menjauhkan sebarang bentuk gelojak negatif yang berselindung di dalam hati. Malah amalan kebajikan yang dilakukan bukan sahaja kepada saudara baharu tetapi turut meliputi kaum keluarga asal, saudara-mara, sahabat-handai, jiran tetangga dan komuniti setempat. Contohnya, Rasulullah SAW pernah memerintahkan Asma' binti Abu Bakar untuk meneruskan kebajikan dan layanan baik terhadap ibunya yang belum memeluk Islam sebagai suatu bentuk kebaktian seorang anak terhadap ibunya (Al-Bukhari, 2001). Hal ini membuktikan bahawa perbezaan kepercayaan tidak menjadi penghalang untuk melaksanakan kebajikan sosial dalam masyarakat berbilang etnik dan agama.

### Kaedah Menyantuni Saudara Baharu mengikut Sunnah

Dalam kajian Zulhelmi M.N & Azman A.R, (2015), setiap muslim bertanggungjawab untuk menyebarkan ajaran Islam dan berdakwah membawa manusia kepada agama fitrah. Golongan saudara baharu merupakan kumpulan sasaran dakwah yang sangat perlu diambil perhatian, diberi didikan dan ilmu agama yang sempurna. Selain itu, golongan ini perlu disantuni dengan meraikan perubahan kehidupan yang amat ketara termasuklah aspek kepercayaan, cara makan dan minum, pergaulan, percakapan, ibadah dan amalan harian. Proses menyantuni saudara baharu adalah salah satu proses yang berterusan kerana pengabaianya boleh menyumbang ke arah kerosakan pada diri penganut dan mencetus gejala murtad. Menelusuri sirah Rasulullah SAW, terdapat banyak panduan yang digunakan oleh Baginda dalam menyantuni para sahabat yang baru memeluk agama Islam.

Firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Anfal, 8 : ayat 38 yang bermaksud:

“Katakanlah kepada orang-orang kafir itu: Jika mereka berhenti (dari kekafiran), nescaya Allah akan mengampunkan mereka tentang dosa-dosa mereka yang sudah lalu; dan jika mereka kembali (lagi) sesungguhnya akan berlaku (kepada mereka) sunnah (Allah terhadap) orang yang terdahulu.”

Berdasarkan ayat di atas, ia menerangkan tentang balasan serta faedah yang diperolehi oleh seorang yang baru memeluk Islam iaitu Allah SWT akan mengampunkan segala dosa dan kesalahannya yang terdahulu. Ini menunjukkan satu keistimewaan saudara baharu yang perlu dijaga dan dipelihara. Menurut Ibnu Kathir, Allah SWT berfirman kepada Nabi SAW agar mengatakan kepada orang kafir untuk berhenti daripada kekufturan, penyiksaan dan keingkaran dan masuklah ke dalam Islam, ketaatan dan kembali (kepada fitrah), nescaya akan diampunkan segala yang telah lalu daripada kekufturan, dosa dan kesalahan mereka (Ibn Kathir, 1999).

Al-Imam al-Tabari menjelaskan dengan sanadnya daripada Ibn ‘Abbas berkata berkaitan muallaf, mereka itu adalah kaum yang datang bertemu Rasulullah SAW setelah memeluk Islam. Rasulullah SAW kemudiannya memujuk dan mengukuhkan mereka dengan pemberian. Jika mereka diberi dengan pemberian ini, lantas mereka berkata: Ini adalah agama yang amat baik! Tetapi jika tidak diberikan, mereka akan mengeji dan meninggalkan agama. Juga daripada sanad al-Imam al-Tabari daripada Ma’qil bin Ubaidillah berkata: Aku bertanya al-Zuhri tentang ayat *al-Muallaf Qulubuhum*, beliau berkata: Ia adalah sesiapa yang masuk Islam daripada Yahudi atau Nasrani. Aku berkata: Walaupun mereka kaya? Beliau menjawab: Walaupun mereka kaya (At-Tabari, 2000). Ayat ini menyatakan bahawa hak saudara baharu untuk mendapatkan zakat adalah suatu ketetapan daripada Allah meskipun mereka terdiri dari golongan kaya. Jelaslah di sini bahawa perlakuan menyantuni saudara baharu bukan hanya tertakluk kepada golongan yang susah atau pertengahan, tetapi termasuklah golongan saudara baharu yang kaya. Ini menunjukkan bahawa skop menyantuni itu tidak terbatas hanya dengan pemberian material tetapi turut merangkumi aspek pergaulan yang mesra dan akrab antara sesama muslim.

Al-Imam al-Bukhari meriwayatkan melalui sanadnya:

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Umar RA berkata, sesungguhnya Rasulullah SAW bersabda: “Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka menyaksikan bahawa tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan sesungguhnya Muhammad itu pesuruh Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat. Jika mereka melakukannya, maka terpelihara darah-darah dan harta-harta mereka, kecuali dengan hak Islam, perhitungannya adalah tertakluk kepada Allah (Al-Bukhari, 2001).

Berkata al-Hafiz Ibn Hajar, maka dihukumkan sebagai Islam bagi sesiapa yang melafazkan dua kalimah syahadah, walaupun di dalam hati adalah sebaliknya (Al-‘Asqalani, 1960). Hadis Nabi SAW ini menjelaskan kehormatan diri, maruah dan harta bagi setiap orang yang memeluk agama Islam. Seorang mualaf secara automatik, diri dan hartanya adalah untuk Islam, tidak diperlakukan sewenang-wenangnya. Dia telah mendapat pengiktirafan dari Allah SWT dan Rasulullah SAW.

Al-Imam al-Bukhari meriwayatkan melalui sanadnya:

Maksudnya: Daripada Anas RA berkata: Nabi SAW bersabda: “Sesungguhnya aku memberikan pemberian kepada Quraish dengan sebab untuk mendekatkan mereka (melembutkan hati mereka), kerana mereka masih baru dengan jahiliyyah (meninggalkan jahiliyyah dan memeluk Islam)” (Al-Bukhari, 2001).

Hadis Nabi SAW ini menggambarkan pemberian yang diberikan oleh Nabi SAW kepada golongan yang baru memeluk Islam. Ia sebagai melembutkan hati dan menarik mereka untuk

lebih mengenali Islam. Inilah juga antara pecahan zakat yang diwajibkan kepada *al-Muallaf Qulubuhum*. Hak zakat telah diperuntukkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran.

Al-Imam Muslim meriwayatkan melalui sanadnya:

Maksudnya: Daripada Ibn ‘Abbas RA, sesungguhnya Rasulullah SAW ketika mengutuskan Mu’az ke negara Yaman, Baginda bersabda: “Sesungguhnya kamu mendatangi kaum dari Ahli Kitab, maka, perkara utama yang kamu seru kepada mereka adalah penyembahan kepada Allah, jika mereka telah mengenal Allah, khabarkan kepada mereka sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka solat lima waktu siang dan malam, jika mereka melakukannya, khabarkan kepada mereka sesungguhnya Allah memfardukan ke atas mereka zakat, diambil daripada golongan kaya di kalangan mereka dan diberikan kepada golongan miskin di kalangan mereka. Jika mereka mentaatinya, ambillah daripada mereka (zakat), dan jauhilah harta-harta yang bernilai sahaja (Al-Muslim, 1954).

Berkata al-Imam al-Nawawi: Pada hadis ini antaranya, menjadi sunnah terhadap golongan kuffar hendaklah diseru kepada tauhid sebelum diperangi dan tidak dihukumkan seseorang dengan Islam kecuali setelah mengucapkan kalimah tauhid (An-Nawawi, 1972). Hadis Nabi SAW ini memiliki turutan berdakwah kepada bukan Islam dan peringkat-peringkat kewajipan yang dituntut kepada seseorang saudara baharu. Ia melambangkan kerahmatan Islam dan bagaimana ia meraikan keadaan muallaf yang masih belum sepenuhnya mampu melaksanakan segala tuntutan agama. Al-Imam Muslim meriwayatkan melalui sanadnya, berkaitan kisah pembukaan Kota Mekah:

Maksudnya: Sabda Nabi SAW: “Sesiapa yang memasuki rumah Abu Sufyan, maka dia selamat” (Al-Muslim, 1954).

### **Metodologi Dakwah Rasulullah**

Menurut Kamus Dewan edisi ketiga, perkataan metod bererti cara melakukan sesuatu atau sistem. Perkataan ini berasal daripada bahasa Inggeris iaitu *method* yang membawa maksud sistem, aturan atau kaedah. Menurut ’Abd al-Karim Zaydan (2002), dalam kitabnya *Usul al-Da’wah*, metod dakwah membawa erti perkara-perkara yang berhubung dengan cara penyampaian Islam dan menghilangkan halangan-halangan penyampaian tersebut. Dalam menelusuri sirah Nabi Muhammad SAW, pelbagai pendekatan yang digunakan oleh baginda untuk berdakwah kepada golongan saudara baharu yang terdiri di kalangan para sahabat. Antaranya Baginda menggunakan metodologi (*manhaj*) *fardiyah* dan *manhaj tarbiyyah*.

### **Manhaj Fardiyah**

*Manhaj Fardiyah* ini merupakan pendekatan dakwah yang diaplikasi oleh Rasulullah SAW ke atas individu di peringkat awal penyebaran Islam selama kira-kira tiga tahun. Sejak baginda menerima wahyu yang pertama, baginda menyampaikan perkara tersebut kepada orang terdekat di sekelilingnya. Melalui pendekatan ini, baginda berpeluang menyampaikan dakwah secara sulit dengan tujuan untuk menyembunyikan agama Islam dan mengelakkan berlakunya kontroversi dalam masyarakat kuffar yang berpegang kuat kepada kepercayaan animisme dan paganisme warisan nenek moyang mereka. Antara ahli keluarga dan kaum terdekat yang berjaya dipengaruhi oleh baginda ialah Khadijah Binti Khuwailid, Ali bin Abi Talib, Zaid bin Harithah, Abu Bakar al-Siddiq, Uthman bin Affan, Zubair bin Awwam, Abdul Rahman bin Auf dan Saad bin Abi Waqqas (Razaleigh Muhamat @ Kawangit, 2011).

Menurut Said Ramadan Buti, (1980), menyatakan bahawa aktiviti dakwah Islamiah mesti sentiasa memerhati situasi semasa dan keadaan sasaran dakwah pada waktu tersebut dengan mengambil kira samada dakwah dijalankan secara terbuka atau lebih tertutup. Ini penting bagi memastikan dakwah dapat disampaikan secara maksima. Oleh yang demikian, dalam menyantuni saudara baharu, setiap pendakwah perlu mengambil kira elemen-elemen penting seperti situasi setempat dan keadaan sasaran dakwah supaya ajaran Islam dapat disampaikan dengan lebih efektif.

### **Manhaj Tarbiyyah**

Pendekatan ini merupakan suatu pendekatan lanjutan yang mementingkan aspek pendidikan bagi saudara baharu yang baru memeluk Islam. Rasulullah SAW memberi bimbingan yang kukuh kepada para sahabat dengan tujuan supaya tidak mudah dipengaruhi oleh pihak musuh di saat itu. Razaleigh Muhamat @ Kawangit, (2011) menyatakan tarbiyyah baginda berjaya membentuk sahsiah yang berlandaskan ajaran Islam serta menonjolkan akhlak yang mulia sekaligus menjadi daya penarik kepada golongan kafir yang belum memeluk Islam untuk menerima Islam dengan lebih berlapang dada. Berdasarkan sejarah awal kedatangan Islam, terdapat beberapa tempat pertemuan yang menjadi lokasi pendidikan Rasulullah SAW dan para sahabat. Antara tempat-tempat pendidikan itu ialah rumah al-Arqam, rumah Rasulullah dan rumah para sahabat.

Menurut Mohamad Zulkifli Abdul Ghani et al. (2017), dalam menjalankan usaha dakwah yang sempurna, tiga elemen utama yang saling menyokong antara satu dengan yang lain perlu ditekankan iaitu isi (*manhaj*), pendekatan (*wasilah*) dan persesembahan (*uslub*). Padzal (1997) berpendapat dalam kajiannya, elemen isi (*manhaj*) yang membawa mesej dakwah, aspek akidah perlu ditekankan terlebih dahulu berbanding aspek syariah dan akhlak. Menurut al-Qardawi (1996), pelbagai persoalan yang berlegar di fikiran golongan non-muslim dapat diatasi memperkuuh aspek akidah. Begitu juga keadaan yang dialami oleh golongan saudara baharu yang masih baru dalam agama Islam. Rumaizuddin (2003), menyatakan dalam kajiannya, pendekatan yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW di zaman awal perkembangan Islam ialah mengutamakan pembangunan ilmu dan kekuatan akidah di kalangan para sahabat tanpa terburu-buru menghancurkan patung-patung berhala di sekeliling Kaabah.

Manakala dari sudut pendekatan, dalam menyantuni saudara baharu yang kebiasaannya menghadapi pelbagai tekanan dan cabaran hidup, umat Islam perlu bersikap lebih prihatin dengan menghulurkan bantuan sama ada dari sudut dalaman dan luaran menggunakan pendekatan *dakwah bi al-hal, bi al-mal, bi al-lisan* dan *bi al-qalam* (Mohamad Zulkifli Abdul Ghani et al., 2017). Menurut Ali Yakub Matondang (2004), dalam mendekati golongan sasaran dakwah, pelbagai perkara yang disukai boleh dilakukan seperti belanja makan, menggunakan panggilan yang baik serta tidak menunjukkan elemen kasih sayang. Selain itu, dakwah *bi al-lisan* yang boleh dilakukan ialah dengan melantik individu tertentu untuk menjelaskan perihal dan persoalan agama kepada saudara baharu. Contohnya, golongan pendakwah yang dilantik oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dikenali sebagai penggerak berperanan menjadi rujukan di perkampungan Asli. Di Negeri Pahang, usaha dakwah ini turut dibantu oleh pembantu penggerak yang dilantik oleh Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP). Mereka merupakan pendakwah di penempatan masyarakat Asli yang telah diberi latihan untuk memberi tunjuk ajar kepada golongan saudara baharu Asli, menjaga kebajikan serta mengajar fadhu ain dalam bahasa suku kaum masing-masing. Faktor bahasa ini menjadi pendekatan *bi al-lisan* yang diterapkan iaitu dapat memudahkan komunikasi sesama mereka dan lebih mudah didekati.

Elemen terakhir dalam berdakwah kepada saudara baharu ialah persembahan (*uslub*) yang mudah dan terang iaitu menekankan keringinan dan kelonggaran. Selain itu, pendakwah perlu lebih berhati-hati dalam menyampaikan dakwah kepada golongan sasaran. Keadaan ini

selari dengan pendekatan yang digunakan oleh Rasulullah SAW yang lebih mengutamakan kewajipan asas dalam agama tanpa membebankan aspek lain yang lebih berat (Mohamad Zulkifli Abdul Ghani et al., 2017).

## **KESIMPULAN**

Dalam konteks menyantuni saudara baharu di Pahang, setiap pendakwah atau badan organisasi berwajib perlu mengambil kira kaedah menyantuni yang terbaik dalam rangka menyampaikan dakwah Islamiah secara efektif. Keadaan ini perlu bagi mengelakkan berlakunya gejala murtad yang sering mengancam saudara baharu disebabkan cabaran yang dihadapi seperti kurangnya pengukuhan dari segi asas didikan agama yang betul, ancaman kaum keluarga agama asal, diskriminasi masyarakat Melayu dan cabaran undang-undang.

Melihat kepada situasi dan kondisi golongan saudara baharu yang dalam keadaan sukar dari segi beberapa aspek, adalah wajar untuk kita menjaga kebijakan mereka setelah memeluk agama Islam. Antara kepentingan menyantuni saudara baharu termasuklah memberi bimbingan ajaran Islam yang berterusan, menjamin persaudaraan Islam dan kemaslahatan serta menyalurkan bantuan kebijakan. Kaedah terbaik yang dikenalpasti untuk menyantuni saudara baharu ialah melakukan program ziarah dari rumah ke rumah, mengambil berat tentang masalah yang dihadapi, memberi hadiah dan bantuan, mewujudkan program keluarga angkat supaya lebih mudah didampingi dan mengadakan kelas pengajian agama secara berterusan.

Oleh yang demikian, sebagai individu muslim, kita hendaklah sentiasa merujuk kepada al-Quran dan as-Sunnah serta menelusuri sirah Nabi Muhammad SAW yang sentiasa menyediakan panduan dalam menyantuni golongan saudara baharu. Pendekatan yang digunakan oleh baginda merupakan contoh terbaik dalam penyampaian dakwah secara sistematis khususnya bagi golongan saudara baharu yang baru belajar mengenal agama Islam yang mulia ini.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Mohd Zin. 1997. *Pengantar Dakwah Islamiyyah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- 'Abd al-Karim Zaydan. (2002). *Usul Dakwah Islam & Dakwah* (Solehan Ayub (ed.). Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- 'Aidh Abdullah al-Qarni. (2007). *Petunjuk Berdakwah dengan berkesan*. Jasmin Enterprise.
- Ab. Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Universiti Malaya.
- Abdul Ghani, M. Z., Johan, J., Mohamad, A. D., & Puteh, A. (2014). Dakwah Saudara Baru Orang Asli Dari Perspektif Maqasid Al-Syariah. *Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014; Dakwah & Etnik: Perspektif Multi-Disiplin*, 15.
- Abdullah, M. F., Othman, A., Edo, J., & Jani, R. (2019). Multidimensional poverty index of marginalized orang asli in Terengganu, Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 27(2), 1241–1259.
- Al-'Asqalani, A. bin A. bin H. (1960). *Fath al-Bari Syarah Sahih al-Bukhari*. Dar al-Ma'rifah.
- Al-Bukhari, M. bin al-I. (2001). *Sahih al-Bukhariyy. Tahqiq: Muhammad Zuhair al-Nasir*. Dar Tauq al-Najah.
- Al-Muslim, A. H. M. ibn al-H. ibn M. al-Q. an-N. (1954). *Sahih Muslim. Tahqiq: Muhammad Fuad Abd al-Baqi*. Dar Ihya al-Turath al-'Arabi.
- Al-Qaradhawi, Yusuf. 1996. Fi fiqh al-awlawiyat: DirasahJadidah fi daw al Quran wa al Sunnah. (terj.) Selangor: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Ali Yakub Matondang (2004). Asas Kecemerlangan Ummah. *Kuala Lumpur: Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, KUIM*
- Amin, M. Z. M. Z., Safian, Y. H. M., Majid, M. N. A., Khalid, M. Y., Ahmad, W. A. W., Residi, M. A. I., Yusoff, A. M., Ibrahim, M. A., & Arifin, M. S. (2017). Taysir method of teaching halal and haram to indigenous people (Orang Asli) in Malaysia—A preliminary study. *Advanced Science Letters*, 23(5), 5000–5003.
- Aminudin Basir@Ahmad, & Akila Mamat. (2012). Dakwah kepada Masyarakat Bukan Islam Menerusi Interaksi. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 77–89.
- An-Nawawi, A. Z. Y. bin S. (1972). *Al-Minhaj Syarah Sahih Muslim bin al-Hajjaj*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ann, W. S. (2009). *Murtad: Jangan Pandang Sebelah Mata*. Mustread.
- Anuar bin Puteh. (2015). *Masalah dan Cabaran Saudara Baru - Demi Sebuah Aqidah*.
- Anuar bin Puteh, Ahmad Sabri bin Osman, & Faridah binti Sairi. (2020). *Cabaran Beragama Saudara Baru di Malaysia*.
- Anuar Puteh, Abd. Ghafar Don, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Zulkefli Aini, & Badlihisham Mohd Nasir. (2018). Konsep Rahmah Lil-'Alamin dalam Dakwah kepada Saudara Baru. In *Rahmah Lil-'Alalmin: Dakwah dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh, Rashidi Abbas, Abd. Ghafar Don, & Muhammad Syafiee Elias. (2015). *Pengurusan Agihan Zakat Asnaf Muallaf di Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ)*.
- At-Tabari, M. bin J. bin Y. (2000). *Jami' al-Bayan Fi Ta'wil Ayy al-Quran*. Muassalah al-Risalah.
- Azaruddin bin Awang, & Khadijah Mohd Khambali@Hambali. (2015). Faktor Pemelukan Agama Islam: Kajian Terhadap Komuniti SAudara Muslim Cina di Negeri Terengganu. *MANU*, 22, 21–45.
- Borham, A. H., & Abdul Kadir, F. A. (2015). Faktor Tarikan Dakwah Mohd Fadli Yusof dalam Pengislaman Masyarakat Non-Muslim di Pedalaman Pensiangan, Sabah. *Journal of Usuluddin*, 42(1), 77–100.

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan* (4th ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibnu Kathir, I. A. al-F. I. (1999). *Tafsir Ibnu Kathir*. Dar al-Fikr.
- Kamarudin, M. A., Kamal, M., Syakir, M., & Safar, J. (2019). Media Sosial dan Dakwah Menurut Islam. *Prosiding Seminar Saint Teknologi Dam Manusia 2019*, 1(1999), 131–142. <https://core.ac.uk/download/pdf/287744111.pdf>
- Kasim, A. Y., Hamid, S. A., & Jemali, M. (2017). Pengajaran Akidah dalam Kalangan Mualaf di Institut Dakwah Islamiyah PERKIM. *Jurnal Perspektif: Special Issue 1*, 1(1), 89–100.
- Khairul Azhar Meerangani. (2019). Cabaran Dakwah Terhadap Golongan Non Muslim di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*, 2, 14–22.
- Khairul Azhar Meerangani. (2016). Isu Semasa Tehadap Hubungan Sosial Dengan Non Muslim di Malaysia daripada Perspektif Hukum Islam. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. (2015). *Laporan Tahunan 2015*.
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. (2017). *Laporan Kes Pengesahan Status Agama Muallaf 2017*.
- Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. (2019). *Laporan Tahunan Program 2019*.
- Perlembagaan Persekutuan: (mengandungi semua pindaan hingga 10 September 1983), (1983).
- Misra, M. K. bin A., Arshad, M. H. bin, Senin, N. binte, Shahar, A. F. bin M., & Ibrahim, A. F. (2019). Analisis Cabaran Aplikasi Metodologi Mau'izah Al-Hasanah dalam Dakwah. *Al-'Ulwan*, 4(1), 14–25.
- Mohammad Shukri Draman. (2010). *Pengurusan Dakwah terhadap Saudara Baru: Kajian di Pejabat Agama Islam Daerah Klang, Selangor Darul Ehsan*. Universiti Malaya.
- Mohd Nor Mamat. (2014). *Dakwah Biar Santai Tapi Sampai*. Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd.
- Mohamad Zulkifli Abdul Ghani, Khazri Osman, Ahmad Irdha Mokhtar, Anuar Puteh, & Abdul Ghafar Don. (2017). Penerapan Fiqh Awlawiyyat dalam Dakwah kepada Saudara Baru. *Al-Hikmah*, 9(2), 131–140.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah, & Redwan Yasin. (2014). Pendekatan Konsep al-Hikmah dalam Proses Bimbingan Mualaf. In Siti Rugayah Hj Tibek, Fariza Md. Sham, & Muhammad Hilmi Jalil (Eds.), *Pembangunan Dakwah Mualaf* (p. 15). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2012). Cabaran Saudara Baharu. *Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd*.
- Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2003). Panduan Berdakwah Kontemporari. *Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd*.
- Muhammad Abdullah al-Khatib. (1991). *Masyarakat Islam di Era 2020*. Pustaka Hamduna/ Pustaka Abdul Majid.
- Mulyono, N. K. (2007). *Proses Pencarian Identitas Diri pada Remaja Muallaf*. Universitas Diponegoro.
- Noraini Mohamad, Mariam Abd. Majid, & Badlihisham Mohd Nasir. (n.d.). *Pendekatan Dakwah dalam Kaedah Pengajaran kepada Muallaf*.
- Nurul Izzah Che Zaidi, & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2020). Personaliti Pendakwah Dalam Menyantuni Masyarakat Non-Muslim. *Al-Hikmah*, 12(1), 19–36.
- Padzal Haji Mokhtar. 1997. Dakwah Di Kalangan Masyarakat Orang Asli Negeri Terengganu. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahman, N. N. H. A., Abdullah, A., Muhamad, S. N., & Hamdan, M. N. (2019). Pendekatan Psikologi Dakwah dalam Menangani Masalah Saudara Baru. *Seminar Serantau Dakwah*

- Dalam Masyarakat Majmuk 2019, November.*
- Razaleigh Muhamat@Kawangit. (2015). *Pembangunan Dakwah Kontemporeri Kepada Saudara Baru Di Malaysia*. May, 16.
- Said Ramadan Buti. (1980). *Fiqh al-Sirah*. Dar al-Fikr.
- Siti Fadilah Binti Zakaria, & Muhammed bin Yusof. (2016). Pelaksanaan Komunikasi Dakwah Kepada Masyarakat Cina Di Malaysia. In Nor Raudah Siren (Ed.), *Vaksinasi Ummah melalui Jalan Dakwah* (p. 109). Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Nurjannati Mohamed, & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. (2020). Analisis Ringkas Impak Dakwah kepada Golongan Muallaf di Hulu Langat, Selangor. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 110–123.
- Subri, I. M., Ab Rahman, A., & Abdul Mutalib, M. (2015). Penerimaan Penggunaan Istilah Mualaf dalam Kalangan Mualaf di Malaysia. *مجلة إدارة و بحوث الفتاوى*, 7(December), 111–
- Sulaiman Dufford. (2010). *Liku-liku Pencarian Nur Islam: Pengalaman Memeluk Islam di Barat*. Institut Terjemahan Kuala Lumpur.
- Syed Abdurahman Hj Syed Hussin. (2015). Uslub Al-Hikmah, Al-Mau'izah Al-Hasanah Dan Mujadalah Bi Al-Husna Mengikut Pandangan Ulamak. *Jurnal Usuluddin, Volume 4*(Issue 4), 49–70.
- Zulhelmi M.N, & Azman A.R. (2015). Pendekatan Al-Quran dan Al-Sunnah dalam Menyantuni Mualaf. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa*, 6, 87–110.
- Zulkefli Aini, Razaleigh Muhamat@Kawangit, Abdul Hakim Mohad, Kasim Mansur, R. A. M. M. (2015). *Dakwah di Sabah: Tinjauan ke atas Permasalahan Muallaf*.